



We will be conducting system maintenance from Thursday 9 February 2023, 11pm to Friday 10 February 2023, 12am. Patrons may experience intermittent connectivity to NLB websites during this period. Thank you for your understanding.

2007 tahun sibuk dan mencabar bagi kegiatan persilatan

BERITA HARIAN, 14 October 2006, Page 44

Article also available on Microfilm Reel NL27082

Printer-Friendly Page

2007 tahun sibuk dan mencabar bagi kegiatan persilatan

Persisi jadi hos empat acara, pesilat sertai kejohanan Eropah dan dunia

SILAT Oleh | YUSOFF A. RAHMAN | yusoff@sph.com.sg

TAHUN 2007 adalah tahun yang sibuk dan mencabar bukan saja bagi pesilat, bahkan para pegawai Persekutuan Silat Singapura (Persisi).

Selain menjadi tuan rumah tiga kejohanan antarabangsa yang akan dijalankan serentak dari 7 hingga 14 Mac, Persisi merancang menjadi tuan rumah Kejohanan Silat Wanita Antarabangsa Pertama pada Disember.

Tiga kejohanan itu ialah Kejohanan Undangan Singapura, Kejohanan Prajunior dan Junior.

Persisi memerlukan \$500,000 untuk menganjurkan ketiga-tiga kejohanan yang akan diadakan di Dewan Sukan Bedok itu.

Para pesilat pula bukan saja akan menyertai beberapa kejohanan Eropah seperti Terbuka Belgium, bahkan Kejohanan Sedunia di Jakarta pada Ogos dan kemudian Sukan SEA Thailand pada November.

Ini dinyatakan oleh Ketua Pengarah Eksekutif Persisi, Sheik Alauddin Yacoob, sebelum majlis iftar di Pusat Keceperlangan Bedok kelmarin.

Turut hadir dalam majlis itu ialah penaung utama Persisi, Encik Abdullah Tarmugi; penasihat utama, Anggota Parlimen GRC Marine Parade, Dr Muhammad Faishal Ibrahim, dan seorang lagi penasihat, Anggota Parlimen GRC Hong Kah, Encik Zaqy Mohamed.

"Kami juga merancang mewujudkan Yayasan Silat, yang antara tujuannya ialah membantu para pesilat yang menghadapi masalah kewangan seperti yang ingin menyertai Sekolah Sukan," jelas Sheik.

Dalam hubungan ini, beliau berkata Persisi akan berusaha mendapatkan penaja yang sedia membantu yayasan itu selain mengumpulkan dana dengan menganjurkan pelbagai projek.

Sheik juga menarik perhatian bahawa Persisi akan membantu Sekolah Sukan mengadakan Akademi Silat.

Menurut beliau lagi, Persisi telah pun mengadakan perbincangan dengan Sekolah Sukan berhubung perkara itu.

Dengan adanya Akademi Silat, tambah beliau, maka Sekolah Sukan akan membiayai segala urusan pembangunan sukan itu di kalangan para pelajar.

Sheik juga berkata Persisi berhasrat mengumpulkan dana sebanyak \$500,000 bagi menampung pelbagai kegiatannya sepanjang 2007.

"Kami akan mengadakan tujuh projek untuk tujuan mengumpulkan dana," katanya.

Menurut beliau lagi, Persisi akan membantu Persekutuan Silat Antarabangsa (Persilat) dalam usaha mengembangkan sukan tersebut di negara-negara yang tidak bergiat ataupun berkecimpung dalam silat.

"Walaupun silat semakin berkembang, kami akan berganding tenaga dengan Persilat untuk terus mengembangkan sukan ini di negara-negara yang tidak bergiat dalam sukan ini," kata Sheik.

Walaupun silat semakin popular, ia masih dipertandingkan di peringkat Sukan SEA saja berbanding sepak takraw, yang telah lama menjadi salah acara dalam Sukan Asia, termasuk di Doha pada Disember ini.



IKATAN KEMESRAAN: Persekutuan Silat Singapura (Persisi) mengadakan majlis iftar kelmarin. Antara yang hadir termasuk tiga Anggota Parlimen Melayu, Encik Abdullah Yarmugi (diri), Encik Zaky Mohamad (kanan), Dr Muhammad Falshah Ibrahim (dua dari kanan).

FOTO: TAUFIKA. KADER